

Cabaran Universiti 1957: UMS Atasi IPTA/IPTS lain

Oleh : Dr. D. Maryama Ag. Daud
Ketua Program Sains Sukan, SPPS

PASUKAN Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada pensyarah Program Sains Sukan, Stephanie Chok dan dua orang pelajar program tersebut iaitu Pang Tsun Kuo dan Nitas Camillus Tan Sing Bee berjaya mengalahkan tujuh Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPT) lain dalam program Cabaran Universiti 1957.

IPT yang telah menyertai program tersebut terdiri daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Akademik Laut Malaysia (ALAM), Malaysia Universiti of Science and Technology (MUST), Malaysia Allied Health Science University (MAHSA) dan Universiti Kumpulan Perubatan Johor (KPJ).

Cabaran Universiti 1957 merupakan sebuah program realiti TV berbentuk perlumbaan masa yang memerlukan kekuatan dan ketahanan fizikal, mental dan emosi serta kebijaksanaan intelektual para pesertanya dalam menyiapkan pelbagai tugas yang diberikan ketika mereka mengelilingi beberapa buah negeri iaitu negeri Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Antara aktiviti fizikal yang dilakukan seperti mengayuh basikal, berlari, berkayak dan melakukan sukan ekstrem seperti memanjang dinding batu. Selain itu mereka harus menyempurnakan tugas yang melibatkan lakuhan motor seperti membuat dan bermain layang-layang, permainan kondakondi, bowling kelapa dan baling tin kosong dari jarak jauh.

Para peserta juga harus mempunyai daya ketahanan mental dan fizikal yang tinggi kerana setiap detik masa penganjur menyediakan pelbagai tugas yang berkonsepkan kehidupan kampung seperti menangkap ikan keli dan belut, menangkap ayam, mencari kerang, membuat penyapu lidi, membuat bunga perhiasan dan memasak rendang pada waktu siang. Manakala pada waktu malam mereka juga harus terlibat dalam aktiviti kebudayaan yang berkonsepkan tradisi Melayu tempatan seperti bermain kompong, berjoget dan menyanyi lagu tradisional.

Pelajar program Sains Sukan yang mengikuti cabaran tersebut, Pang Tsun Kuo memberitahu



bahawa semua tugas yang diberikan perlu disiapkan dalam masa yang pantas dan telah ditetapkan dengan pasukan yang pantas akan terselamat dari penyingkir memasuki pusingan seterusnya. "Bukan sahaja fizikal, namun kesabaran para peserta juga diuji apabila dikenakan penalti bagi setiap soalan yang salah atau gagal dijawab. Kegagalan ini amat mengganggu emosi kerana pasukan yang lain akan dapat memintas sekiranya jawapan pasukan lawan adalah betul. Justeru fizikal dan mental kami harus sentiasa bersedia menghadapi cabaran pasukan lain," katanya.

Stephanie Chok yang menceritakan pengalaman pasukan UMS ketika mengikuti cabaran itu memberitahu bahawa sepanjang lima hari pertandingan, mereka telah menunjukkan pencapaian yang baik dengan sentiasa berada dalam tiga kumpulan terbaik atau teratas.

Menurutnya, kelebihan terutama dari segi kekuatan fizikal yang ada pada pasukan UMS telah memberikan mereka peluang dan kelebihan untuk mengatasi universiti yang lain pada pusingan akhir. "Pusingan akhir amat mencabar kekuatan fizikal. Setiap kumpulan hanya dibekalkan dengan dua buah basikal, manakala seorang ahli pasukan terpaksa berlari dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Tugas tersebut mengambil masa selama 4 jam," katanya.

Antara tugas pusingan akhir seperti menjawab soalan yang menguji minda dan mencari harta karun, membuat penyapu lidi, menangkap ikan belut, menuai padi, membuat orang-orang, memakan ubi kayu sebanyak 1.5 kilogram serta 3 biji kelapa dan mengasingkan limajenis benih yang berlainan.

"Walaupun UMS dilepaskan 15 minit lewat jika dibandingkan dengan 3 kumpulan teratas iaitu PMM, MAHSA dan UPM kerana perbezaan dari segi jumlah pungutan mata terdahulu namun kami berjaya memintas universiti yang lain pada tugas terakhir," kata Stephanie.

Program Cabaran Universiti 1957 akan disiarkan di RTM TV1 melalui saluran Astro 180 sempena sambutan Hari Kemerdekaan 2013 nanti. Sama-sama kita saksikan kejayaan UMS dalam pertandingan tersebut.